




***PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP PLAGIAT MELALUI  
PENGUNAAN ICT DARI SEGI KONSEP, FAKTOR DAN  
KARAKTERISTIK PELAJAR YANG MEMPLAGIAT***

**TAN TIEN CHEAT**

**FPP 2011 44**

**PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP PLAGIAT MELALUI  
PENGUNAAN ICT DARI SEGI KONSEP, FAKTOR DAN  
KARAKTERISTIK PELAJAR YANG MEMPLAGIAT**



Oleh  
**TAN TIEN CHEAT**

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains**

**Mei 2011**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Master Sains

**PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP PLAGIAT MELALUI  
PENGUNAAN ICT DARI SEGI KONSEP, FAKTOR DAN  
KARAKTERISTIK PELAJAR YANG MEMPLAGIAT**

Oleh

**TAN TIEN CHEAT**

Mei 2011

**Pengerusi : Profesor Wan Zah Binti Wan Ali, PhD**

**Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan**

Plagiat atau ciplak merupakan satu perlakuan yang tidak beretika. Ia dilakukan oleh seseorang yang mengakui hasil karya orang lain sebagai hasil karya sendiri. Masalah ini bukanlah satu masalah yang baharu dalam kalangan pelajar khususnya pelajar universiti. Bagaimanapun akhir-akhir ini ia menjadi semakin serius dan literatur menunjukkan ia ada perkaitan dengan peningkatan penggunaan internet. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti sejauh mana pelajar universiti memahami konsep plagiat melalui penggunaan ICT, (ii) mengenal pasti persepsi pelajar universiti terhadap faktor yang mendorong kepada pelajar memplagiat melalui penggunaan ICT dari aspek kesedaran, sikap peribadi, kemudahan internet, keyakinan diri dan tekanan serta (iii) mengenal pasti persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran. Seramai 377 orang pelajar Bachelo Pendidikan tahun akhir

dari sebuah universiti tempatan telah dipilih. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dengan pengumpulan data melalui borang soal selidik yang telah diubahsuai daripada Biggs, Kember, dan Leung (2001), Sheard, Markham, dan Dick (2003), Marshall dan Garry (2005), Smith, Noorlaila Ghazali, dan Siti Fatimah Noor Minhad (2007), Akbulut et al. (2008) serta Wang (2008). Nilai kebolehpercayaan instrumen di antara .73 hingga .94. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan perisian SPSS 17.0 (*Statistical Packages For Social Sciences, version 17.0*) bagi mendapatkan min, sisihan piawai, frekuensi serta peratusan. Ujian-t juga dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik serta pendekatan pembelajaran mendalam dan pendekatan pembelajaran permukaan. Didapati terdapat 61.2% pelajar universiti memahami 61.5%-100% konsep plagiat. Ini menunjukkan bahawa kefahaman pelajar universiti terhadap konsep plagiat melalui penggunaan ICT masih kurang memuaskan. Bagaimanapun dapatan ini hanya bergantung kepada skor purata sahaja. Persepsi pelajar universiti terhadap faktor yang mendorong kepada pelajar memplagiat melalui penggunaan ICT seperti faktor kesedaran ( $M = 2.90$ ,  $SP = 0.517$ ), sikap peribadi ( $M = 2.79$ ,  $SP = 0.548$ ), keyakinan diri ( $M = 2.84$ ,  $SP = 0.607$ ) dan tekanan ( $M = 2.89$ ,  $SP = 0.513$ ) berada pada tahap yang sederhana manakala faktor kemudahan internet ( $M = 3.10$ ,  $SP = 0.450$ ) berada pada tahap yang tinggi. Seterusnya, persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi ( $M = 2.44$ ,  $SP = 0.364$ ), kesediaan ( $M = 2.49$ ,  $SP = 0.447$ ) dan pendekatan pembelajaran ( $M = 2.54$ ,  $SP = 0.416$ ) adalah pada tahap yang sederhana. Pelajar universiti berpersepsi bahawa pelajar yang memplagiat

mempunyai karakteristik yang cenderung terhadap motivasi ekstrinsik, kesediaan yang sederhana dan pendekatan PM dalam pembelajaran mereka. Implikasi, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar universiti perlu diberikan kesedaran mengenai konsep plagiat melalui penggunaan ICT agar mereka memahami konsep ini sepenuhnya.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the Degree of Master Science

**UNIVERSITY STUDENTS' PERCEPTION ON PLAGIARISM THROUGH ICT  
AND ITS RELATIONSHIP WITH MOTIVATION, READINESS AND  
LEARNING APPROACH**

By

**TAN TIEN CHEAT**

**May 2011**

**Chairman : Professor Wan Zah Binti Wan Ali, PhD**

**Faculty : Faculty of Educational Studies**

Plagiarism is an unethical behaviour. It is done by someone who acknowledge others person work as his/her own work. This problem is not a new phenomenon among students, especially university students. However it increase seriously and literature show its relevance to the increased with the ease of internet facilities. Thus, this study aims to (i) identify how far the university students' understand the concept of plagiarism through ICT, (ii) identify university student's perception on factor which propelled to student who plagiarizes through ICT in terms of awareness, personal attitudes, internet facilities, self-confidence and pressure, (iii) identify university students' perception on characteristic of student who plagiarizes in term of motivation, readiness and learning approach. A total of 377 students of final year Bachelor of Education from a local university have been selected. This study uses a descriptive method of data collection through questionnaires that have been modified from Biggs, Kember, and Leung (2001), Sheard,

Markham, and Dick (2003), Marshall and Garry (2005), Smith, Noorlaila Ghazali, and Siti Fatimah Noor Minhad (2007), Akbulut et al. (2008) and Wang (2008). The range of instrument reliability is .73 to .94. Data were analyzed with SPSS17.0 (Statistical Packages for Social Sciences, version 17.0) to obtain mean, standard deviation, frequency and percentage. t-tests was also conducted to identify the difference between intrinsic motivation and extrinsic motivation and deep learning approaches and surface learning approach. Study show that 61.2% university students understand 61.5%-100% concept of plagiarism. This indicates that university students' understanding of the concept of plagiarism through ICT is still not satisfactory. However, these findings are depend on the average scores only. University student's perception on factor which propelled to students who plagiarize through ICT such as awareness (M = 2.90, SD = 0.517), personal attitude (M = 2.79, SD = 0.548), self confidence (M = 2.84, SD = 0.607) and pressure (M = 2.89, SD = 0.513) were at the moderate level meanwhile internet facilities (M = 3.10, SD = 0.450) is at the high level. Next, the perception of university students on the characteristics of students who plagiarize through ICT in terms of motivation (M = 2.44, SD = 0.364), willingness (M = 2.49, SD = 0.447) and approaches to learning (M = 2.54, SD = 0.416) is at medium level. University student perceives that students who plagiarize have characteristics that tend to extrinsic motivation, less readiness and tend to surface learning. Implication, this study show that university students should be given awareness on plagiarism concept through ICT so that they understand the concept fully.

## PENGHARGAAN

Kajian ini tidak akan selesai dengan berjaya tanpa bimbingan, bantuan, sokongan, dorongan, nasihat dan tunjuk ajar daripada pelbagai pihak. Justeru, pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan yang paling tulus kepada setiap individu berikut yang telah menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada saya sepanjang proses penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Prof. Dr. Wan Zah Binti Wan Ali serta ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, Prof. Madya Dr. Habsah Binti Ismail yang sanggup membimbing dan menyokong saya sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Mereka juga tidak jemu meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar kepada saya.

Ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah dan kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM yang banyak memberikan ilmu dan kerjasama kepada saya untuk menjayakan penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan khususnya kepada Liew Yon Foi, Boo Meau Sin, Nurul Fatiha Binti Che Jamin, Wan Hamzari Bin Wan Hamid dan Siti Salbiah Binti Ahmad yang sudi menyumbang idea, memberi semangat dan dorongan serta sokongan moral kepada saya untuk menjayakan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih paling istimewa buat suami tercinta, Lee Chuin Chee, ayah, Tan Lai Hee, emak, Tan Wye Leng serta adik-beradik Tan Pei Huat, Tan Pei Heng dan Tan Tien Chin atas segala sokongan moral, dorongan dan pengorbanan yang selalu ada untuk saya.



## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PERAKUAN	ix
JADUAL KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
<b>BAB</b>	
<b>I PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Tujuan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	13
1.8.1 Persepsi	13
1.8.2 Plagiat Melalui Penggunaan ICT	14
1.8.3 <i>Information and Communication Technologies (ICT)</i>	15
1.8.4 Pelajar Universiti	15
1.8.5 Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT	15
1.8.6 Faktor yang Mendorong kepada Masalah Plagiat Melalui Penggunaan ICT	16
1.8.7 Karakteristik Pelajar yang Memplagiat Melalui Penggunaan ICT	19
1.9 Rumusan	21
<b>II SOROTAN LITERATUR</b>	<b>22</b>
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Definisi Plagiat Melalui Penggunaan ICT	22
2.3 Bentuk Plagiat Melalui Penggunaan ICT	25

2.4	Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT	28
2.5	Faktor yang Mendorong kepada Masalah Plagiat	30
2.5.1	Kesedaran	32
2.5.2	Sikap Peribadi	33
2.5.3	Kemudahan Internet	35
2.5.4	Keyakinan Diri	37
2.5.5	Tekanan	38
2.6	Tahap Keseriusan Plagiat Melalui Penggunaan ICT	40
2.7	Karakteristik Pembelajaran dalam Masalah Plagiat Melalui Penggunaan ICT	44
2.7.1	Motivasi	44
2.7.2	Kesediaan	48
2.7.3	Pendekatan Pembelajaran	49
2.8	Teori Tingkah Laku Terancang ( <i>Theory of Planned Behavior</i> , TPB) oleh Ajzen (1991)	53
2.9	Kerangka Teori	56
2.10	Kerangka Konsep	57
2.11	Rumusan	59
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>61</b>
3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	62
3.4	Kerangka Kerja Operasi	65
3.5	Instrumen Kajian	67
3.6	Kajian Rintis	72
3.6.1	Kebolehpercayaan	75
3.7	Pengumpulan Data	79
3.8	Analisis Data	80
3.9	Rumusan	83
<b>IV</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	<b>84</b>
4.1	Pendahuluan	84
4.2	Analisis Data bagi Latar Belakang Responden	84
4.2.1	Jantina	85
4.2.2	Etnik	85
4.2.3	Umur	86
4.2.4	Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)	87
4.2.5	Program Pengajian yang Diikuti	87
4.2.6	Kemasukan ke Peringkat Bachelar Pendidikan	88
4.2.7	Kemahiran Bahasa Inggeris	89
4.2.8	Bahasa yang Kerap guna dalam Tugas Kursus	90
4.2.9	Masa untuk Melayari Internet	91
4.2.10	Pemilikan Komputer	91
4.3	Analisis Data bagi Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT	92

4.4	Analisis Data bagi Persepsi Pelajar Universiti terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat	104
4.4.1	Kesedaran	105
4.4.2	Sikap Peribadi	108
4.4.3	Kemudahan Internet	110
4.4.4	Keyakinan Diri	113
4.4.5	Tekanan	114
4.5	Analisis Data bagi Persepsi Pelajar Universiti terhadap Karakteristik Pelajar yang Memplagiat Melalui Penggunaan ICT dari Segi Motivasi, Kesediaan dan Pendekatan Pembelajaran	116
4.5.1	Motivasi	117
4.5.2	Kesediaan	122
4.5.3	Pendekatan Pembelajaran	125
4.6	Rumusan	131
<b>V</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>134</b>
5.1	Pendahuluan	134
5.2	Rumusan Kajian	134
5.3	Rumusan Hasil Kajian	137
5.3.1	Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT	137
5.3.2	Persepsi Pelajar terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat Melalui Penggunaan ICT	138
5.3.3	Persepsi Pelajar terhadap Karakteristik Pelajar yang Memplagiat dari Segi Motivasi, Kesediaan dan Pendekatan Pembelajaran	139
5.4	Perbincangan	140
5.4.1	Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT	140
5.4.2	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat Melalui Penggunaan ICT	142
5.4.3	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Karakteristik Pelajar yang Memplagiat dari Segi Motivasi, Kesediaan dan Pendekatan Pembelajaran	149
5.5	Implikasi Kajian	154
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	155
5.7	Kesimpulan	157
5.8	Penutup	157
	<b>RUJUKAN</b>	<b>159</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	
A	Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan	169
B	Surat Kebenaran Penggunaan Soal Selidik	170

C	Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Instrumen Kajian	171
D	Borang Soal Selidik – Kajian Rintis	172
E	Analisis Kebolehpercayaan	173
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dalam Fakulti Pengajian Pendidikan di Sebuah Universiti Tempatan	174
G	Surat Kebenaran Pensyarah Untuk Menjalankan Kajian Sebenar	175
H	Borang Soal Selidik – Kajian Sebenar	176
I	Jadual Krejcie dan Morgan (1970)	177
BIODATA PELAJAR		178



## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.1 : Bilangan Responden Mengikut Program yang diceburi	63
3.2 : Bilangan Soal Selidik yang dikembalikan Mengikuti Program	63
3.3 : Kemahiran Bahasa Inggeris Berdasarkan Keputusan SPM	67
3.4 : Jawapan kepada Item yang diuji	69
3.5 : Pecahan Pembahagian Item dalam Bahagian C	70
3.6 : Pecahan Pembahagian Item dalam Bahagian D	71
3.7 : Skala Likert Empat Peringkat	72
3.8 : Item yang dikodkan	75
3.9 : Nilai Cronbach Alfa	76
3.10 : Nilai Cronbach Alfa bagi Plagiat Melalui Penggunaan ICT dengan Karakteristik	78
3.11 : Interpretasi Tahap untuk Skor Min bagi Bahagian C dan Bahagian D	81
3.12 : Analisis Data dan Dimensi Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	82
4.1 : Taburan Responden Mengikut Jantina	85
4.2 : Taburan Responden Mengikut Etnik	86
4.3 : Taburan Umur Responden	86
4.4 : Taburan PNGK Responden	87

4.5 : Program Pengajian yang Sedang diikuti oleh Responden	88
4.6 : Taburan Kemasukan Responden ke Peringkat Bacelor Pendidikan	89
4.7 : Kemahiran Bahasa Inggeris Berdasarkan Keputusan SPM	89
4.8 : Taburan Kemahiran Bahasa Inggeris Responden	89
4.9 : Taburan Bahasa yang Kerap digunakan dalam Tugas	91
4.10 : Taburan Masa untuk Melayari Internet dalam Sehari	91
4.11 : Taburan Pemilikan Komputer	92
4.12 : Skor bagi Kefahaman Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT	93
4.13 : Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT Berdasarkan Min dan Median	94
4.14 : Taburan Skor dan Aras Kefahaman	94
4.15 : Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT	97
4.16 : Skor Pelajar bagi Kefahaman Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT dari Aspek Jantina	99
4.17 : Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT dari Aspek Jantina	102
4.18 : Ringkasan Min dan Sisihan Piawai bagi Faktor	105

4.19 :	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat dari Aspek Kesedaran	107
4.20 :	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat dari Aspek Sikap Peribadi	109
4.21 :	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat dari Aspek Kemudahan Internet	111
4.22 :	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat dari Aspek Keyakinan Diri	114
4.23 :	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Faktor yang Mendorong kepada Pelajar Memplagiat dari Aspek Tekanan	115
4.24 :	Ringkasan Min dan Sisihan Piawai bagi Karakteristik Pelajar yang Memplagiat	117
4.25 :	Ringkasan Min dan Sisihan Piawai Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik	118
4.26 :	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Motivasi Intrinsik Pelajar yang Memplagiat	119
4.27 :	Persepsi Pelajar Universiti terhadap Motivasi Ekstrinsik Pelajar yang Memplagiat	121
4.28 :	Ujian-t bagi Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik	122

4.29 : Persepsi Pelajar Universiti terhadap Kesiediaan Pelajar yang Memplagiat	124
4.30 : Ringkasan Min dan Sisihan Piawai bagi Pendekatan Pembelajaran	125
4.31 : Persepsi Pelajar Universiti terhadap Pendekatan Pembelajaran Mendalam Pelajar yang Memplagiat	126
4.32 : Persepsi Pelajar Universiti terhadap Pendekatan Pembelajaran Permukaan Pelajar yang Memplagiat	129
4.33 : Ujian-t bagi Pendekatan Pembelajaran	131



## SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 : Model Teori Tingkah Laku Terancang yang diadaptasi daripada Ajzen (1991)	53
2.2 : Model Teori Tingkah Laku Terancang yang diadaptasi daripada Ajzen (1991)	56
2.3 : Kerangka Konsep	58
3.1 : Kerangka Operasi Kajian	66
3.2 : Pembahagian Skor Min untuk Bahagian C dan Bahagian D	81

## SENARAI SINGKATAN

ICT	<i>Information and Communication Technologies</i>
PD	Pembelajaran Mendalam
PM	Pembelajaran Permukaan
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif



# BAB I

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Di negara Barat, terutamanya United Kingdom, United State dan Australia, plagiat bukan satu masalah yang baharu (Wang, 2008). Hansen (2003) dalam laporan yang bertajuk '*Combating Plagiarism*' telah merumuskan bahawa masalah plagiat di negara Barat telah bermula sejak awal tahun 1600-an. Pada ketika itu, pelajar memplagiat daripada sumber bercetak seperti buku, jurnal, majalah dan bahan-bahan lain yang telah dicetak dan disimpan dalam perpustakaan (McKenzie, 1998). Mereka perlu mencari bahan-bahan yang diperlukan dalam rak perpustakaan, seterusnya salin semula ke dalam tugas yang akan dinilai oleh pengajarnya.

Sejak tahun 1990 iaitu ketika *Information and Communication Technologies* (ICT) popular dalam kalangan pelajar sehingga sekarang, cara pelajar memplagiat telah berubah (Hansen, 2003). Fasiliti yang disediakan oleh ICT seperti internet telah memudahkan para pelajar mendapat maklumat yang dikehendaki dengan hanya mengklik tetikus sahaja (Sisti, 2007; Wang, 2008). Maklumat-maklumat yang didapati dalam internet membenarkan pelajar menyimpan (*save*) serta melakukan salin dan tampal (*copy and paste*) dengan senang jika dibandingkan dengan maklumat yang didapati daripada

bahan bercetak seperti buku teks, jurnal atau majalah (Dunn, Morgan, O'Reilly, & Parry, 2003a; Irons, 2004; Scanlon, 2003; Schiller, 2005). Dengan kata lain, penggunaan ICT boleh mempercepatkan perlakuan plagiat berbanding masa sebelumnya (Boisvert & Irwin, 2006; Kasprzak & Nixon, 2004; McCabe, 2001). Miall (2005) serta Jones, Reid dan Bartlett (2005) menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa ICT kini merupakan satu alat baharu yang membolehkan pelajar memplagiat dengan lebih pantas. Secara ringkasnya, plagiat merupakan perlakuan salin dan tampal hasil karya pengarang lain daripada bahan bercetak atau bahan elektronik tanpa menulis sumber rujukan yang sesuai.

Penggunaan internet juga membenarkan para pelajar membeli tugas atau kertas kerja yang telah siap daripada perkhidmatan laman sesawang (*website*) yang biasanya dikenali sebagai '*Digital Paper Mills*' (Dahlia Syahrani Md. Yusof, 2007; Dunn, Morgan, O'Reilly, & Parry, 2003b; Roberts, 2008). Dengan perkhidmatan tersebut yang disediakan dalam laman sesawang, pelajar hanya perlu memuat turun tugas yang dikehendaki secara percuma. Seterusnya mereka membuat sedikit pengubahsuaian dan memasukkan nama sendiri ke dalam tugas yang telah dimuat turun dan kemudiannya menghantarkan kepada pengajar untuk dinilai (Belcheir, 2005).

Kemudahan menyalin dengan menggunakan alat pengimbas (*scanner*) turut menyenangkan pelajar memplagiat. Mereka tidak perlu lagi menaip semula pernyataan yang tercetak dalam buku sebaliknya mereka hanya menggunakan alat pengimbas (*scanner*) untuk mengimbas pernyataan

dalam buku ke dalam komputer dan seterusnya memindahkan (salin dan tampal) pernyataan tersebut ke dalam tugas sendiri sahaja.

Sesungguhnya, penggunaan ICT terutamanya internet bertujuan bagi memudahkan para pelajar, pendidik, penyelidik, masyarakat dan sebagainya untuk berinteraksi serta berkongsi maklumat antara satu sama lain di seluruh dunia tanpa mengira dimana sahaja mereka berada (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006-2010; Wang, 2008). Namun, terdapat sebahagian pelajar telah menyalahgunakan ICT tersebut (Brimble & Stevenson-Clarke, 2005; Nadelson, 2007; Roberts, 2008; Szabo & Underwood, 2004). Kemudahan internet yang disediakan telah digunakan untuk memplagiat (Jones et al., 2005; Miall, 2005; Roberts, 2008).

Senario di Malaysia juga menunjukkan internet telah disalahgunakan oleh pelajar. Profesor Tan Sri Anuar Ali, Naib Canselor Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dalam artikel bertajuk "Buang universiti jika ciplak" (2007, hlm. 2), menyatakan bahawa "Teknologi seperti laman web sudah ada, ia mudah disalahgunakan. Memang kita sudah kesan pelajar yang melakukan plagiarisme dan ada antara mereka sudah dibuang atau digantung pengajian."

Keprihatinan beliau telah disokong oleh Dahlia Syahrani Md. Yusof (2007) dengan menyatakan bahawa kemudahan laman sesawang telah menyebabkan semakin ramai pelajar terlibat dalam masalah plagiat untuk

menyiapkan tugas walaupun amaran serta tindakan telah diberikan kepada pelajar yang terlibat.

Secara umumnya, masalah ini juga berkaitan dengan karakteristik pembelajaran pelajar. Salah satu karakteristik merupakan keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif (Lai & Pratt, 2008; White, Owens, & Nguyen, 2008). Hall (2010) menerangkan bahawa sekiranya pelajar mengguna hasil karya pengarang lain dan mengakui sebagai hasil karya sendiri akan menyebabkan mereka tidak dapat mengaplikasikan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif dalam tugas mereka. Misalnya dengan memplagiat cara penyelesaian daripada internet, pelajar menjadi malas berfikir untuk mendapatkan cara penyelesaian yang baharu (Youssef & Dahmani, 2008). Tambahan pula, kemahiran ini perlu dimiliki oleh setiap mahasiswa universiti kerana kemahiran ini dapat membantu pelajar dalam menghadapi cabaran dan masalah yang muncul dalam bidang pekerjaan mereka kelak (Philpott, 2010).

Plagiat juga menyebabkan pelajar tidak dapat mengembang kemahiran penulisan dalam pembelajaran mereka (Martin, 2009). Misalnya, pelajar yang kerap memplagiat dalam tugasannya akan menyebabkan mereka tidak mengamalkan kemahiran penulisan dalam pembelajaran mereka. Lama-kelamaan, kemahiran penulisan mereka akan menjadi semakin lemah. Dengan demikian, pelajar tidak dapat menghasilkan tugas yang berkualiti (Lai & Pratt, 2008).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Isu plagiat melalui penggunaan ICT semakin meningkat dalam kalangan pelajar universiti. Masalah ini bukan sahaja berlaku di negara barat malah di Malaysia. Persoalannya apakah punca dan faktor yang mendorong kepada masalah plagiat melalui penggunaan ICT? Antara punca dan faktor yang mendorong kepada masalah plagiat melalui penggunaan ICT adalah kefahaman pelajar universiti terhadap konsep plagiat, kesedaran, keyakinan diri, sikap peribadi, tekanan dan kemudahan internet (Introna, Hayes, Blair, & Wood, 2003; Sheard et al., 2003; Smith et al., 2007; Yeo, 2007). Namun, kefahaman merupakan punca utama dalam masalah plagiat melalui penggunaan ICT (Marshall & Garry, 2005; Sheard et al., 2003; Yeo, 2007). Ia kerana konsep plagiat amat susah difahami dalam konteks yang berbeza (Shelly dalam Ercegovac & Richardson, 2004).

Faktor lain seperti kesedaran, sikap peribadi, keyakinan diri, kemudahan internet dan tekanan juga merupakan faktor yang mendorong kepada masalah plagiat melalui penggunaan ICT. Ia telah dikesan melalui kajian lepas. Namun, faktor-faktor tersebut telah dikaji berdasarkan lapor sendiri (self-report). Melalui lapor sendiri, pelajar universiti berpeluang untuk memberi laporan yang palsu. Dengan itu, adalah penting satu kajian dijalankan bagi mendapatkan persepsi pelajar universiti terhadap faktor yang mendorong kepada pelajar memplagiat.

Seterusnya, karakteristik pelajar yang memplagiat seperti motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran harus diberi perhatian seperti mana yang dinyatakan oleh Fakhru Anuar Aziz dan Zulikha Jamaludin (2007, hlm. 651) bahawa "... plagiarisme berasaskan internet sedang mengancam bidang akademik secara serius." Ancaman dalam petikan tersebut merujuk kepada karakteristik pelajar yang memplagiat. Persoalannya, sama ada pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT mempunyai karakteristik seperti motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran? Motivasi merupakan satu kuasa dalaman yang dapat menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu bagi mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam akademiknya. Dengan adanya motivasi, mereka dapat menentukan sasaran pencapaian yang mereka ingini dalam akademiknya. Seterusnya mereka bersedia untuk mencapai sasaran dengan menggunakan pendekatan pembelajaran yang sesuai. Maka karakteristik seperti motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT amat penting dikaji.

Setelah meneliti kajian lepas yang lain, didapati kajian mengenai karakteristik seperti motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran kurang dijalankan dalam konteks plagiat melalui penggunaan ICT. Apatah lagi pelajar akan mengamalkan pendekatan pembelajaran yang berlainan dalam keadaan yang berbeza (Ramsden, 1997). Maka untuk mengkaji tentang pelajar yang benar-benar memplagiat tentu ada batasannya. Bagaimanapun, satu kajian harus dilaksanakan secara menyeluruh terhadap persepsi pelajar di universiti



tempatan bagi meneroka motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran pelajar yang memplagiat.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka isu plagiat melalui penggunaan ICT dari aspek kefahaman pelajar universiti terhadap konsep plagiat melalui penggunaan ICT, persepsi pelajar universiti terhadap faktor yang mendorong kepada perlakuan plagiat serta persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran dalam kalangan pelajar universiti.

### **1.4 Objektif Kajian**

Secara khusus, objektif kajian adalah:

- i. Menenal pasti sejauh mana pelajar universiti memahami konsep plagiat melalui penggunaan ICT.
- ii. Menenal pasti persepsi pelajar universiti terhadap faktor yang mendorong kepada pelajar memplagiat dari aspek kesedaran, sikap peribadi, kemudahan internet, keyakinan diri dan tekanan.

- iii. Mengenal pasti persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran.

### 1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dibentuk. Dapatan kajian akan menjawab persoalan berikut:

- a) Bagi objektif pertama, persoalan kajian adalah:
  - i. Apakah status kefahaman pelajar universiti tentang konsep plagiat melalui penggunaan ICT?
  - ii. Apakah aspek yang difahami oleh pelajar universiti tentang konsep plagiat melalui penggunaan ICT?
  - iii. Adakah terdapat perbezaan kefahaman konsep plagiat melalui penggunaan ICT di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
- b) Bagi objektif kedua, persoalan kajian adalah:
  - i. Adakah faktor kesedaran mendorong kepada pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari persepsi pelajar universiti?

- ii. Adakah faktor sikap peribadi mendorong kepada pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari persepsi pelajar universiti?
  - iii. Adakah faktor kemudahan internet mendorong kepada pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari persepsi pelajar universiti?
  - iv. Adakah faktor keyakinan diri mendorong kepada pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari persepsi pelajar universiti?
  - v. Adakah faktor tekanan mendorong kepada pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari persepsi pelajar universiti?
- c) Bagi objektif ketiga, persoalan kajian adalah:
- i. Apakah persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi?
  - ii. Apakah persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi kesediaan dalam pembelajaran?
  - iii. Apakah persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi pendekatan pembelajaran?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Memandangkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia sedang berusaha menuju ke arah pembelajaran digital seperti *mobile learning*, *e-learning* dan *video-conference*, maka isu plagiat harus dikawal supaya ia tidak meningkat sejajar dengan peningkatan kegunaan ICT. Justeru, persoalan-persoalan seperti dinyatakan dalam Bahagian 1.5 telah ditimbulkan supaya hasil kajian dapat memberi gambaran sebenar tentang persepsi pelajar universiti terhadap faktor yang mendorong pelajar memplagiat melalui penggunaan ICT dan karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran pelajar universiti. Kajian ini juga menyumbang kepada ilmu pengetahuan tentang persepsi pelajar universiti terhadap perlakuan plagiat dalam kalangan pelajar universiti, khususnya faktor yang mendorong pelajar memplagiat dan karakteristik pelajar yang memplagiat dalam pembelajaran mereka.

Melalui pemerhatian kajian lepas, kebanyakan kajian telah dilakukan secara lapor-kendiri (*self-report*). Ia didapati kurang sesuai kerana kemungkinan pelajar memberi laporan yang palsu sekiranya mereka telah memplagiat (Thurmond, 2010). Untuk mengatasi masalah ini, kajian ini dilakukan dengan mendapatkan persepsi pelajar terhadap faktor yang mendorong kepada pelajar memplagiat dan persepsi mereka terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran. Dengan itu, data dan hasil kajian ini amat penting

kerana persepsi pelajar terhadap perlakuan plagiat semasa menuntut pelajaran akan menyebabkan mereka lebih berkemungkinan melibatkan diri dalam salah laku profesional semasa mereka berkhidmat dalam masyarakat (Atmeh & Al-Khadash, 2008; Carpenter, Harding, Finelli, Montgomery, & Passow, 2006).

Sehubungan itu, hasil kajian ini juga dapat memberi maklumat yang lebih terperinci tentang masalah plagiat melalui penggunaan ICT. Maklumat ini juga penting untuk pihak IPT bagi merancang dan melaksana bengkel serta seminar yang berkaitan dengan plagiat melalui penggunaan ICT bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran pelajar terhadap perlakuan plagiat. Hasil kajian ini juga penting bagi pensyarah kursus untuk merancang serta mereka bentuk tugas pelajar yang berbeza-beza pada setiap semester. Setelah mengenal pasti karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT, pelajar universiti dapat dilatih daripada kekurangannya. Misalnya mereka dilatih untuk berfikir secara kreatif dan kritis serta bijak dalam membuat perancangan dan keputusan dalam masyarakat berteraskan maklumat (*e-society*).

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan ke atas 377 orang pelajar Bachelo Pendidikan tahun akhir dari sebuah universiti tempatan. Ia dilakukan dengan mendapat persepsi responden (pelajar tahun akhir) terhadap pelajar yang lain bagi

menilai masalah plagiat melalui penggunaan ICT. Melalui tinjauan lepas, kebanyakan kajian dalam negara (contohnya Arieff Salleh Rosman, Ahmad Mahyuddin Hassan, Azmi Shah Suratman, Mohd Nasir Ripin, dan Nurazmallail Marni (2008) serta Smith et al. (2007)) mahupun luar negara (contohnya Szabo dan Underwood (2004), Belcheir (2005), serta Yeo dan Chien (2005)) telah mengenal pasti masalah plagiat dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan borang soal selidik secara lapor-kendiri (*self-report*). Dengan demikian, pelajar universiti akan menafikan perlakuan plagiat sekiranya mereka telah memplagiat melalui penggunaan ICT (Thurmond, 2010; Yeo & Chien, 2005). Justeru itu, untuk mengatasi masalah ini, satu soal selidik telah disediakan dengan mendapatkan persepsi pelajar universiti terhadap pelajar yang memplagiat. Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan dapatannya tidak digeneralisasikan kepada pelajar dari fakulti lain di universiti tersebut serta IPT di seluruh Malaysia.

Soal selidik bagi kajian ini telah diadaptasi dan diubahsuaikan daripada Marshall dan Garry (2005), Smith et al. (2007) dan Biggs et al. (2001). Selain itu, item yang terdapat dalam borang soal selidik hanya terbatas kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bahagian 1.5 sahaja.

Untuk memastikan responden menjawab borang soal selidik dengan jujur, responden telah dimaklumkan bahawa segala maklumat peribadi akan dirahsiakan dan tiada sebarang tindakan diambil untuk perlakuan plagiat bagi kajian ini. Selain itu, tujuan kajian juga dijelaskan kepada responden supaya mereka dapat memberi maklumat secara terbuka. Walau bagaimanapun,

ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden dalam menjawab soal selidik secara jujur. Responden juga tidak menghadapi sebarang masalah dalam memahami maksud pernyataan yang terpapar dalam borang soal selidik. Di samping itu, hasil kajian yang diperoleh tidak dapat disamakan dengan hasil kajian yang menyerupai tempat dan situasi yang berlainan kerana terdapat latar belakang dan pengalaman yang berbeza antara satu sama lain.

## **1.8 Definisi Operasional**

Istilah berikut telah diterangkan bagi kajian ini. Ia akan membantu pembaca lebih memahami mengenai istilah yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.8.1 Persepsi**

Persepsi digambarkan sebagai satu proses yang akan mengolah input berdasarkan pandangan masing-masing dengan memberi makna kepada sesuatu dalam kehidupan manusia (Schiffman, 1990). Menurut Steers dan Black (1994), persepsi merupakan proses memilih, menyusun dan menginteprestasi sesuatu stimulasi kepada sesuatu yang lebih bermakna. Manakala Jaafar Muhammad (1996) menyatakan persepsi merupakan bagaimana sesuatu tanggapan atau pandangan itu dibentuk dan bagaimana pula ia mempengaruhi sikap dan kelakuan seseorang. Dalam kajian ini,

persepsi merujuk kepada pandangan pelajar universiti terhadap masalah plagiat melalui penggunaan ICT dari segi faktor dan karakteristik pelajar yang memplagiat.

### 1.8.2 Plagiat Melalui Penggunaan ICT

Plagiat merujuk kepada pencuri idea-idea pengarang lain dan mengakui idea tersebut sebagai idea sendiri (Park, 2003). Smith et al. (2007) menjelaskan plagiat adalah penggunaan pernyataan, idea, gambarajah, jadual atau gaya penulisan tanpa menulis sumber rujukan yang sesuai atau memberi pengiktirafan kepada pengarang asal.

Plagiat melalui penggunaan ICT pula dirujuk kepada pencuri idea-idea melalui kemudahan ICT seperti internet, komputer peribadi (*desktop*) atau komputer bimbit (*laptop*) serta perkakas komputer seperti pengimbas (*scanner*) dan pencetak (*printer*). Maka dalam konteks kajian ini, plagiat melalui penggunaan ICT merujuk kepada perlakuan yang melibatkan pelajar menyalin dan menampal, menyunting dan mengedit, mengubahsuai serta mengadaptasi pernyataan daripada hasil karya pengarang lain (termasuklah idea, gambarajah, jadual atau gaya penulisan) melalui fasiliti yang disediakan dalam internet.



### **1.8.3 Information and Communication Technologies (ICT)**

Wong (2002) merujuk ICT sebagai komputer iaitu komputer bimbit (*laptop*) atau komputer peribadi (*desktop*) dan internet (mel elektronik atau *World Wide Web*). Rosnaini Mahmud (2005) serta Zuraini Zakaria, Fatimah Hassan, Hasmawati Hassan, dan Noresah Hj. Mohd. Shariff (2006) pula merujuk ICT sebagai satu alat dan kemudahan tambahan yang berasaskan komputer bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar khususnya internet, mel elektronik dan perkakasan komputer. Dalam konteks kajian ini, ICT merujuk kepada internet, komputer peribadi (*desktop*) atau komputer bimbit (*laptop*) serta perkakas komputer seperti pengimbas (*scanner*) dan pencetak (*printer*).

### **1.8.4 Pelajar Universiti**

Pelajar universiti bagi kajian ini merujuk kepada pelajar Bacelor Pendidikan tahun terakhir dari sebuah universiti tempatan.

### **1.8.5 Kefahaman Pelajar Universiti terhadap Konsep Plagiat Melalui Penggunaan ICT**

Menurut Marshall dan Garry (2005), kefahaman pelajar universiti terhadap konsep plagiat melalui penggunaan ICT merujuk kepada sejauh mana

pelajar universiti dapat mengenal pasti serta membezakan konsep plagiat melalui penggunaan ICT dalam pelbagai senario. Dalam konteks kajian ini, kefahaman pelajar universiti terhadap konsep plagiat melalui penggunaan ICT hanya meneliti sejauh mana pelajar universiti dapat mengenal pasti pernyataan yang menyebabkan plagiat melalui penggunaan ICT.

### **1.8.6 Faktor yang Mendorong kepada Masalah Plagiat Melalui Penggunaan ICT**

Kajian ini dijalankan ke atas lima faktor utama iaitu kesedaran, sikap peribadi, kemudahan internet, keyakinan diri dan tekanan. Berikut merupakan takrifan bagi setiap faktor yang dikaji.

#### **1.8.6.1 Kesedaran**

Whitley (1998) merujuk kesedaran sebagai keadaan di mana seseorang pelajar memberi perhatian terhadap sesuatu masalah dalam persekitaran pembelajaran mereka. Smith et al. (2007) pula merujuk kesedaran sebagai pengetahuan pelajar terhadap peraturan dan kawalan institusi pengajian tinggi, keseriusan, serta implikasi terhadap masalah ini. Dalam kajian ini, kesedaran merujuk kepada pengetahuan pelajar yang memplagiat terhadap perlakuan plagiat melalui penggunaan ICT dari segi unsur plagiat melalui

penggunaan ICT serta peraturan dan pengawalan institusi terhadap masalah plagiat.

#### **1.8.6.2 Sikap Peribadi**

Park (2003) merujuk sikap peribadi sebagai sikap pelajar terhadap penilaian yang diberi oleh pengajar dan sikap mereka terhadap tugas yang diterima. Smith et al. (2007) pula merujuk sikap peribadi sebagai sikap pelajar yang positif terhadap jenis tugas yang diberikan oleh pengajar atau bersikap negatif seperti malas melakukan tugas semasa pembelajaran mereka. Dengan itu, sikap peribadi dalam konteks kajian ini merujuk kepada sikap pelajar yang memplagiat terhadap tugas yang diterima.

#### **1.8.6.3 Kemudahan Internet**

Park (2003) serta Szabo dan Underwood (2004) telah merujuk kemudahan internet sebagai fasiliti yang sedia ada dalam internet seperti internet membenarkan pelajar memuat turun atau memuat naik dokumen yang sedia ada. Smith et al. (2007) pula merujuk kemudahan internet sebagai fasiliti yang disediakan dalam internet bagi memudahkan pelajar memuat turun (*download*), memuat naik (*upload*) dan melakukan salin dan tampal dengan mudah. Justeru itu, kajian ini merujuk kemudahan internet sebagai fasiliti yang disediakan dalam internet bagi memudahkan pelajar mengakses

internet bagi memuat turun, memuat naik, melakukan salin dan tampal, menyunting dan mengedit, mengubahsuai serta mengadaptasi pernyataan daripada hasil karya pengarang lain semasa melakukan tugas.

#### **1.8.6.4 Keyakinan Diri**

Smith et al. (2007) merujuk keyakinan diri sebagai pandangan pelajar yang memplagiat terhadap kemampuan diri sendiri dalam pembelajaran. Misalnya pencapaian akademik yang rendah akan menyebabkan pelajar tidak yakin dalam pembelajaran mereka. Dalam konteks kajian ini, keyakinan diri merujuk kepada kemampuan pelajar yang memplagiat dalam pembelajaran seperti kemahiran Bahasa Inggeris dan kemahiran penulisan.

#### **1.8.6.5 Tekanan**

Menurut Brimble & Stevenson-Clarke (2005), Smith et al. (2007) serta King, Guyette dan Piotrowski (2009), tekanan yang menyebabkan masalah plagiat melalui penggunaan ICT adalah dari segi kelemahan dalam pengurusan masa, tugas yang banyak serta pengharapan yang tinggi daripada keluarga untuk mendapatkan keputusan yang baik semasa menuntut di universiti. Maka dalam konteks kajian ini, tekanan merujuk kepada tugas yang banyak pada satu semester, kelemahan pelajar dalam pengurusan masa serta pengharapan yang tinggi daripada ahli keluarga akan

menyebabkan pelajar terlibat dalam masalah plagiat melalui penggunaan ICT.

### **1.8.7 Karakteristik Pelajar yang Memplagiat Melalui Penggunaan ICT**

Terdapat tiga karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT akan dibincangkan dalam kajian ini iaitu motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran. Berikut merupakan takrifan bagi setiap karakteristik tersebut.

#### **1.8.7.1 Motivasi**

Berdasarkan Ryan dan Deci (2000) serta Yahya Don (2006), motivasi merupakan satu dorongan/kehendak serta keinginan bagi menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu serta mencapai matlamat mereka. Dengan itu, kajian ini merujuk motivasi sebagai keinginan pelajar yang memplagiat dalam pembelajaran mereka sama ada mereka memplagiat untuk mendapat pengetahuan baharu (motivasi intrinsik) atau mereka memplagiat semata-mata untuk mendapatkan markah sahaja (motivasi ekstrinsik).

### **1.8.7.2 Kesediaan**

Menurut Ee (2003), kesediaan merupakan penyediaan pelajar dalam pembelajaran mereka sebelum pembelajaran dimulakan. Dengan itu, kajian ini merujuk kesediaan kepada penyediaan pelajar yang memplagiat dalam pembelajaran mereka sebelum pembelajaran dimulakan. Misalnya mereka bersedia dalam pembelajaran yang akan datang dengan membaca nota sebelum menghadiri kuliah, bersedia untuk menerima tugas, bersedia untuk menerima cabaran dalam pembelajaran atau sebaliknya.

### **1.8.7.3 Pendekatan Pembelajaran**

Entwistle dan Tait (1990), Biggs et al. (2001), serta Lavelle dan Zuercher (2001) menjelaskan bahawa pendekatan terhadap pembelajaran merupakan cara atau proses pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang pelajar serta tindak balas mereka terhadap pembelajaran. Penyelidik tersebut juga menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran terbahagi kepada dua iaitu pendekatan pembelajaran mendalam (PD) dan pendekatan pembelajaran permukaan (PM). Maka pendekatan pembelajaran dalam kajian ini merujuk cara atau proses pembelajaran serta proses pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar yang memplagiat terhadap pembelajaran mereka.

## 1.9 Rumusan

Masalah plagiat melalui penggunaan ICT semakin meningkat dalam kalangan pelajar universiti dan ia amat membimbangkan semua pihak. Keadaan ini tidak boleh dibiarkan sahaja tanpa usaha untuk menangani masalah ini. Bagi menangani masalah ini secara berkesan, kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti kefahaman pelajar universiti terhadap konsep plagiat melalui penggunaan ICT. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti persepsi pelajar universiti terhadap faktor yang mendorong kepada pelajar memplagiat melalui penggunaan ICT serta persepsi pelajar universiti terhadap karakteristik pelajar yang memplagiat melalui penggunaan ICT dari segi motivasi, kesediaan dan pendekatan pembelajaran.

## RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com/science/article/B6WP2-4CYG336-DJ/2/9acb128fd8ccf9877db6da912e884f25>
- Akbulut, Y., Sendag, S., Birinci, G., Killcer, K., Sahin, M. C., & Odabasi, H. F. (2008). Exploring the types and reasons of internet-triggered academic dishonesty among Turkish undergraduate students: Development of internet-triggered academic dishonesty scale (ITADS). *Computers & Education*, 51(1), 463-473. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com/science/article/B6VCJ-4P8R7DK-1/2/c010841e1b3f306fafc2f77f7ba68c49>
- Al-Qaisy, L. M. (2008). Students' attitudes toward cheat and relation to demographic factors. *European Journal of Social Sciences*, 7(1), 140-146. Retrieved from [http://www.eurojournals.com/ejss\\_7\\_1\\_12.pdf](http://www.eurojournals.com/ejss_7_1_12.pdf)
- Arieff Salleh Rosman, Ahmad Mahyuddin Hassan, Azmi Shah Suratman, Mohd Nasir Ripin, & Nurazmallail Marni. (2008). Persepsi pelajar universiti teknologi malaysia (UTM) terhadap plagiarisme. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 1-14. Retrieved from <http://eprints.utm.my/8736/>
- Atmeh, M., & Al-Khadash, H. (2008). Factors affecting cheating behavior among accounting students. *Journal of Accounting, Business & Management*, 15, 109-125. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=bth&AN=31521637&site=ehost-live>
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, & Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi kognitif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis dan interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Baggaley, J., & Spencer, B. (2005). The mind of a plagiarist. *Learning, Media, & Technology*, 30(1), 55-62. Retrieved from 10.1080/13581650500075587  
<http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a3h&AN=20032327&site=ehost-live>



- Baharuddin Aris, Noraffandy Yahaya, Jamalludin Hj. Harun, & Zaidatun Tasir. (2000). *Siri modul pembelajaran: Teknologi pendidikan dari tradisi kepada yang terkini*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Beattie, V., Collins, B., & McInnes, B. (1997). Deep and surface learning: A simple or simplistic dichotomy? *Accounting Education: An International Journal*, 6(1), 1 - 12. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/096392897331587>
- Belcheir, M. J. (2005). Academic dishonesty at Boise State University (Research Report). Boise: Boise State University, Office of Institutional Assessment.
- Biggs, J. B. (1987). Student approaches to learning and studying. Research monograph Retrieved from <http://www.eric.ed.gov/ERICWebPortal/contentdelivery/servlet/ERICServlet?accno=ED308201>
- Biggs, J. B., Kember, D., & Leung, D. Y. P. (2001). The revised two-factor Study Process Questionnaire: R-SPQ- 2F. *British Journal of Educational Psychology*, 71(1), 133-149. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a3h&AN=7435718&site=ehost-live>
- Boisvert, R. F., & Irwin, M. J. (2006). Plagiarism on the rise. *Communications of the ACM*, 49(6), 23-24. Retrieved from <http://delivery.acm.org/10.1145/1140000/1132487/p23-boisvert.pdf?key1=1132487&key2=2589856421&coll=ACM&dl=ACM&CFID=42618460&CFTOKEN=34349395>  
doi:<http://doi.acm.org/10.1145/1132469.1132487>
- Boon, P. Y., & Kaur, R. (1998). *Siri bimbingan diploma perguruan psikologi II (Semester II)*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Buang universiti jika ciplak (2007, 28 Disember). *Utusan Malaysia Online*. Retrieved 19 September 2008, from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1228&pub=utusan\\_malaysia&sec=dalam\\_negeri&pg=dn\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1228&pub=utusan_malaysia&sec=dalam_negeri&pg=dn_02.htm&arc=hive)
- Brimble, M., & Stevenson-Clarke, P. (2005). Perceptions of the prevalence and seriousness of academic dishonesty in Australian universities. *Australian Educational Researcher*, 32(3), 19-44. Retrieved from <http://www.aare.edu.au/aer/online/50030b.pdf>
- Carpenter, D. D., Harding, T. S., Finelli, C. J., Montgomery, S. M., & Passow, H. J. (2006). Engineering students' perceptions of and attitudes towards cheating. *Journal of Engineering Education*, 95(3), 181-194. Retrieved from <http://deepblue.lib.umich.edu/bitstream/2027.42/55269/3/2006%20JE%20PACES1.pdf>

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1: Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Dahlia Syahrani Md. Yusof. (2007). A Different Perspective on Plagiarism. *The Internet TESL Journal*, 15(2). Retrieved from <http://iteslj.org/Articles/Yusof-Plagiarism.html>
- Dawson, J. (2004, 9-10 February). *Plagiarism: What's really going on?* Paper presented at the Seeking Educational Excellence. 13<sup>th</sup> Annual Teaching and Learning Forum, Perth: Murdoch University.
- Devlin, M., & Gray, K. (2007). In their own words: A qualitative study of the reasons Australian university students plagiarize. *Higher Education Research & Development*, 26(2), 181-198. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/07294360701310805>
- Diseth, A. (2003). Personality and approaches to learning as predictors of academic achievement. *European Journal of Personality*, 17(2), 143-155. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eoh&AN=4547701&site=ehost-live>
- Dunn, L., Morgan, C., O'Reilly, M., & Parry, S. (2003a). Academic fraud and plagiarism. In L. Dunn, C. Morgan, M. O'Reilly & S. Parry (Eds.), *The Student Assessment Handbook* (pp. 59-66). London: Routledge.
- Dunn, L., Morgan, C., O'Reilly, M., & Parry, S. (2003b). Dealing with plagiarism. In L. Dunn, C. Morgan, M. O'Reilly & S. Parry (Eds.), *The Student Assessment Handbook* (pp. 283-288). London: Routledge.
- Ee, A. M. (2003). *Ilmu pendidikan pengetahuan dan ketrampilan ikhtisas semester I*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ellery, K. (2008). An investigation into electronic-source plagiarism in a first-year essay assignment. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 33(6), 607-617. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/02602930701772788>
- Entwistle, N., Hanley, M., & Hounsell, D. (1979). Identifying distinctive approaches to studying. *Higher Education*, 8(4), 365-380. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1007/BF01680525>
- Entwistle, N., & Smith, C. (2002). Personal understanding and target understanding: Mapping influences on the outcomes of learning. *British Journal of Educational Psychology*, 72, 321. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=pbh&AN=7590740&site=ehost-live>
- Entwistle, N., & Tait, H. (1990). Approaches to learning, evaluations of teaching, and preferences for contrasting academic environments. *Higher Education*, 19(2), 169-194. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1007/BF00137106>

- Ercegovic, Z., & Richardson, J. J. V. (2004). Academic dishonesty, plagiarism included, in the digital age: A literature review. *College & Research Libraries*, 301-318. Retrieved from <http://www.ftrf.org/ala/mgrps/divs/acrl/publications/crljournal/2004/jul/ercegovic.pdf>
- Fakhrul Anuar Aziz, & Zulikha Jamaludin. (2007). *Plagiarisme berasaskan internet: Suatu analisis*. Paper presented at the 1st international Malaysian Educational Technology Convention, Sofitel Palm Resort, Senai, Johor Bahru, Malaysia.
- Franklyn-Stokes, A., & Newstead, S. E. (1995). Undergraduate cheating: Who does what and why? *Studies in Higher Education*, 20(2), 159-172. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/03075079512331381673>
- Gay, L. R. (1992). *Educational Research : Competencies for Analysis and Application* (4<sup>th</sup> ed.). New York: Macmillan Publishing Company.
- Hall, S. (2010, 15 March). Effects of Plagiarism on Education. Retrieved 31 March, 2010, from [http://www.ehow.com/list\\_6075742\\_effects-plagiarism-education.html](http://www.ehow.com/list_6075742_effects-plagiarism-education.html)
- Hansen, B. (2003). Combating plagiarism. *CQ Researcher*, 13(32), 773-796. Retrieved from <http://www.cqpress.com/docs/Combating%20Plagiarism.pdf>
- Hishamuddin Md. Som. (2005). *Panduan mudah analisis data menggunakan SPSS windows*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ho, C. C. (2006). Are undergraduates able to identify instances of plagiarism? *Journal of Language Studies*(2), 55-62.
- Houghton, & Warren. (2007). Deep and Surface Learning - Learning and Teaching Theory - Engineering Subject Centre. *The Higher Education Academy*. Retrieved from <http://www.engsc.ac.uk/er/theory/learning.asp>
- Introna, L., Hayes, N., Blair, L., & Wood, E. (2003). Cultural attitudes towards plagiarism (pp. 1-57). Lancaster: University of Lancaster.
- Irons, A. (2004). Reducing plagiarism in computing. In A. Irons & S. Alexander (Eds.), *Effective Learning and Teaching in Computing* (pp. 100-110). London: Routledge.
- Jaafar Muhammad. (1996). *Kelakuan Organisasi*. Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Jenkins, T., & Helmore, S. (2006). *Coursework for Cash: The threat from on-line plagiarism*. Paper presented at the Higher Education Academy.

- Johnson, B., & Christensen, L. (2008). *Educational research: Quantitative, qualitative and mixed approaches* (3<sup>rd</sup> ed.). California: Sage Publications.
- Jones, K. O., Reid, J. M. V., & Bartlett, R. (2005). *Student plagiarism and cheating in an IT age*. Paper presented at the International Conference on Computer Systems and Technologies, CompSysTech' 2005.
- Jordan, A. E. (2001). College Student Cheating: The Role of Motivation, Perceived Norms, Attitudes, and Knowledge of Institutional Policy. *Ethics & Behavior*, 11(3), 233-247. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a3h&AN=4949871&site=ehost-live>
- Kasprzak, J. E., & Nixon, M. A. (2004). Cheating in cyberspace: Maintaining quality in online education. *Association for the Advancement of Computing In Education*, 12(1), 85-99. Retrieved from [http://www.editlib.org/?fuseaction=Reader.ViewFullText&paper\\_id=1733](http://www.editlib.org/?fuseaction=Reader.ViewFullText&paper_id=1733)
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006-2010). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Retrieved from <http://www.moe.gov.my/?id=77>.
- King, C. G., Guyette, R. W., & Piotrowski, C. (2009). Online Exams and Cheating: An Empirical Analysis of Business Students' Views *The Journal of Educators Online*, 6(1). Retrieved from <http://www.thejeo.com/Archives/Volume6Number1/Kingetalpaper.pdf>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610. Retrieved from <http://www.usd.edu/~mbaron/edad810/Krejcie.pdf>
- Lai, K. W., & Pratt, K. (2008). Positive to a degree: The effects of ICT use in New Zealand secondary schools. *Computers in the Schools*, 24(3/4), 95-109. Retrieved from [http://www.informaworld.com/10.1300/J025v24n03\\_07](http://www.informaworld.com/10.1300/J025v24n03_07)
- Lavelle, E., & Zuercher, N. (2001). The writing approaches of university students. *Higher Education*, 42(3), 373-391. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1023/A:1017967314724>
- Love, P. G., & Simmons, J. (1998). Factors influencing cheating and plagiarism among graduate students in a college of education. *College Student Journal*, 32(4), 539. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a3h&AN=1410910&site=ehost-live>
- Lublin, J. (2003). Deep, surface and strategic approaches to learning. *Centre for Teaching and Learning: Good Practice in Teaching and Learning*. Retrieved from <http://www.ucd.ie/teaching/printableDocs/Good%20Practices%20in%2>

OT&L/deep%20surface&strategic%20approaches%20to%20learning.pdf

- Ma, H. J., Lu, E., Turner, S., & Wan, G. (2007). An empirical investigation of digital cheating and plagiarism among middle school students. *American Secondary Education*, 35(2), 69-82. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a3h&AN=24895456&site=ehost-live>
- Ma, H. J., Wan, G., & Lu, E. Y. (2008). Digital cheating and plagiarism in schools. *Theory Into Practice*, 47, 197-203. Retrieved from 10.1080/00405840802153809  
<http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=bth&AN=32794588&site=ehost-live>
- Ma'rof Redzuan. (2001). *Psikologi sosial*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Marshall, S., & Garry, M. (2005). *How well do students really understand plagiarism*. Paper presented at the Proceedings of the 22nd annual conference of the Australasian Society for Computers in Learning in Tertiary Education (ASCILITE), Brisbane.  
[http://www.ascilite.org.au/conferences/brisbane05/blogs/proceedings/52\\_Marshall.pdf](http://www.ascilite.org.au/conferences/brisbane05/blogs/proceedings/52_Marshall.pdf)
- Martin, M. (2009, 29 September). The Effect of Plagiarism on Students. Retrieved 31 March, 2010, from [http://www.ehow.com/facts/5472037\\_effect-plagiarism-students.html](http://www.ehow.com/facts/5472037_effect-plagiarism-students.html)
- Mayhew, M. J., Hubbard, S. M., Finelli, C. J., Harding, T. S., & Carpenter, D. D. (2009). Using structural equation modeling to validate the theory of planned behavior as a model for predicting student cheating. *The Review of Higher Education*, 32(4), 441-468. Retrieved from [http://muse.jhu.edu/journals/review\\_of\\_higher\\_education/v032/32.4\\_mayhew.pdf](http://muse.jhu.edu/journals/review_of_higher_education/v032/32.4_mayhew.pdf)
- McCabe, D. (2001). Cheating: Why students do it and how we can help them stop. *American Educator*, 25(4), 38-43. Retrieved from [http://www.aft.org/pubs-reports/american\\_educator/winter2001/Cheating.html](http://www.aft.org/pubs-reports/american_educator/winter2001/Cheating.html)
- McKenzie, J. (1998). The new plagiarism: Seven antidotes to prevent highway robbery in an electronic age. *The Educational Technology Journal*, 7(8). Retrieved from <http://www.fno.org/may98/cov98may.html>
- Miall, C. (2005). *Plagiarism and new media technologies: Combating 'cut' n 'paste' culture*. Paper presented at the OLT-2005 Conference, Queensland University of Technology, Brisbane.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murdock, T. B., & Anderman, E. M. (2006). Motivational perspectives on student cheating: Toward an integrated model of academic dishonesty. *Educational Psychologist*, 41(3), 129-145. Retrieved from <http://www.mwit.ac.th/~t2040115/Ethics/students/cheating.pdf>
- Nadelson, S. (2007). Academic misconduct by university students: Faculty perceptions and responses. *Plagiarism: Cross-Disiplinary Studies in Plagiarism, Fabriation and Falsification*, 67-76. Retrieved from <http://www.plagiarism.org/2007/academic-misconduct.pdf>
- Park, C. (2003). In other (people's) words: Plagiarism by university students- literature and lessons. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 28(5), 471-488. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/02602930301677>
- Philpott, S. (2010, 13 February). The Effect of Plagiarism in College. Retrieved 31 March, 2010, from [http://www.ehow.com/facts\\_5986195\\_effects-plagiarism-college.html](http://www.ehow.com/facts_5986195_effects-plagiarism-college.html)
- Ramsden, P. (1997). The context of learning in academic departments. *The experience of learning*, 2, 198-216. Retrieved from <http://www.tla.ed.ac.uk/resources/ExperienceOfLearning/EoL13.pdf>
- Rasidah Rashid. (2007). *Hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah luar bandar, Sabah*. Masters Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from <http://eprints.utm.my/6527/>
- Rettinger, D. A., Jordan, A. E., & Peschiera, F. (2004). Evaluating the Motivation of Other Students to Cheat: A Vignette Experiment. *Research in Higher Education*, 45(8), 873-890. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1007/s11162-004-5952-0>
- Roberts, T. S. (2008). Student plagiarism in an online world: An introduction. In T. S. Roberts (Ed.), *Student plagiarism in an online world: Problems and solutions* (pp. 1-9). United State: Information Science Reference IGI Global.
- Rosnaini Mahmud. (2006). *Kesediaan teknologi maklumat dan maklumat (TMK) dalam kalangan guru sekolah menengah*. Ijazah Doktor Falsafah PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rosnow, R. L., & Rosnow, M. (1995). *Writing papers in psychology* (3<sup>rd</sup> ed.). Brooks/Cole: Pacific Grove, CA.

- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 54-67. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com/science/article/B6WD1-45FCGCS-S/2/1a21868a298d5dd9621273184b59c000>
- Säljö, R. (1981). Learning approach and outcome: Some empirical observations. *Instructional Science*, 10(1), 47-65. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1007/BF00124566>
- Scanlon, P. M. (2003). Student online plagiarism: How do we respond? *College Teaching*, 51(4), 161-166. Retrieved from [http://www.accessmylibrary.com/coms2/summary\\_0286-20239508\\_ITM](http://www.accessmylibrary.com/coms2/summary_0286-20239508_ITM)
- Scanlon, P. M., & Neumann, D. R. (2002). Internet plagiarism among college students. *Journal of College Student Development*, 43(3), 374-385. Retrieved from <http://www4.ncsu.edu/~ladare/eac595/readings/scanlon-neumann.pdf>
- Schiffman, H. R. (1990). *Sensation and perception: An integrated approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Schiller, M. R. (2005). E-cheating: Electronic plagiarism. *Journal of the American Dietetic Association*, 105(7), 1058-1062. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com/science/article/B758G-4GGGD7K-F/2/f850d647186f99e84a370f09cca6e8a1>
- School Of Graduate Studies. (2007). *Guide to thesis preparation*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sheard, J., Markham, S., & Dick, M. (2003). Investigating differences in cheating behaviours of IT undergraduate and graduate students: The maturity and motivation factors. *Higher Education Research & Development*, 22(1), 91-108. Retrieved from <http://www.it.uu.se/edu/course/homepage/datadidaktik/ht07/teaching/Investigating%20Cheating%20HERD%202003.pdf>
- Sieman, A. M. (2008). *Motivational Predictors of Academic Cheating Among First-Year College Students: Goals, Expectations, and Costs*. Doctor of Education, North Carolina State University, Raleigh, North Carolina. Retrieved from <http://www.lib.ncsu.edu/theses/available/etd-12042008-105621/unrestricted/etd.pdf>
- Sisti, D. A. (2007). How do high school students justify internet plagiarism? *Ethics & Behavior*, 17(3), 215-231. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/10508420701519163>
- Smith, M., Noorlaila Ghazali, & Siti Fatimah Noor Minhad. (2007). Attitudes towards plagiarism among undergraduate accounting students: Malaysian evidence. *Asian Review of Accounting*, 15(2), 122-146. Retrieved from

<http://www.emeraldinsight.com/Insight/viewPDF.jsp?contentType=Article&Filename=html/Output/Published/EmeraldFullTextArticle/Pdf/3410150202.pdf>

Steers, R. M., & Black, J. S. (1994). *Organizational behavior*. New York: HarperCollins College Pub.

Szabo, A., & Underwood, J. (2004). Cybercheats: Is information and communication technology fuelling academic dishonesty? *Active Learning in Higher Education*, 5(2), 180-199. Retrieved from <http://alh.sagepub.com/cgi/content/abstract/5/2/180>  
doi:10.1177/1469787404043815

Thurmond, B. H. (2010). *Student Plagiarism and The Use of a Plagiarism Detection Tool by Community College Faculty*. Doctor of Philosophy Dissertation, Indiana State University, Terra Haute, Indiana. Retrieved from <http://hdl.handle.net/10484/966>

Walker, J. (1998). Student plagiarism in universities: What are we doing about it? *Higher Education Research & Development*, 17(1), 89-106. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/0729436980170105>

Wan Zah Wan Ali. (1992). *Deskripsi pembelajaran dari pespektif pelajar*. Ijazah Doktor Falsafah Ph.D Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Zah Wan Ali. (2000). *Memahami pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md. Yunus, Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi, Sharifah Md. Nor, et al. (2008). Kemahiran pengurusan masa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. In Tajularipin Sulaiman & Wan Zah Wan Ali (Eds.), *Memperkasakan pendidikan negara: Isu dan cabaran* (pp. 66-84). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Wang, Y. M. (2008). University student online plagiarism. *International Journal on E-Learning*, 7(4), 743-757. Retrieved from <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=EJ810080&site=ehost-live>  
[http://www.editlib.org/index.cfm?fuseaction=Reader.ViewAbstract&paper\\_id=24455](http://www.editlib.org/index.cfm?fuseaction=Reader.ViewAbstract&paper_id=24455)

White, F., Owens, C., & Nguyen, M. (2008). *Using a constructive feedback approach to effectively reduce student plagiarism among first-year psychology students*. Paper presented at the UniServe Science Proceedings Visualisation, University of Sydney, Australia.

Whitley, B. E. (1998). Factors associated with cheating among college students: A review. *Research in Higher Education*, 39(3), 235-274. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1023/A:1018724900565>



- Wong, S. L. (2002). *Development and Validation of an Information Technology (IT) Based Instrument To Measure Teachers' IT Preparedness*. Doctor of Philosophy PhD, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Retrieved from [http://www.educ.upm.edu.my/~sulkan/PhD\\_Thesis\\_WSL.pdf](http://www.educ.upm.edu.my/~sulkan/PhD_Thesis_WSL.pdf)
- Yahya Don. (2006). *Psikologi Sosial Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Yeo, S. (2007). First-year university science and engineering students' understanding of plagiarism. *Higher Education Research & Development*, 26(2), 199-216. Retrieved from <http://www.informaworld.com/10.1080/07294360701310813>
- Yeo, S., & Chien, R. (2005). The seriousness of plagiarism incidents: Making consistent decisions across a university. *Curtin University of Technology, Australia*, 21, 2007. Retrieved from [http://www.lib.newcastle.edu.au/conference/apeic/papers\\_pdf/yeo%20and%20chien.pdf](http://www.lib.newcastle.edu.au/conference/apeic/papers_pdf/yeo%20and%20chien.pdf)
- Youssef, A. B., & Dahmani, M. (2008). The impact of ICT on student performance in higher education: Direct effects, indirect effects and organisational change. *Revista de Universidad y Sociedad del Conocimiento*, 5(1), 45-56. Retrieved from [http://www.uoc.edu/rusc/5/1/dt/eng/benyoussef\\_dahmani.pdf](http://www.uoc.edu/rusc/5/1/dt/eng/benyoussef_dahmani.pdf)
- Zimitat, C. (2008). A student perspective of plagiarism. In T. S. Robert (Ed.), *Student plagiarism in an online world: Problems and solutions* (pp. 10-22). United State: Information Science Reference IGI Global.
- Zuraina Ali, Hafizoah Kassim, Zarina Mohd Ali, Noor Raha Mohd Radzuan, & Nor Yazid Khamis. (2007). *Designing standard plagiarism guidelines for internet materials*. Universiti Malaysia Pahang, Pahang.
- Zuraini Zakaria, Fatimah Hassan, Hasmawati Hassan, & Noresah Hj. Mohd. Shariff. (2006). Cabaran pendidikan secara jarak jauh: Kesedaran dan pendedahan dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.